



## SIARAN MEDIA

### LEBIH SUKU JUTA UJIAN MAMOGRAM BERJAYA DILAKSANAKAN

ARAU, 4 OKT. – Sebanyak 263,627 ujian mamogram berjaya dilaksanakan sehingga September 2015 sepanjang pelaksanaan program subsidi mamogram sejak 2007. Daripada jumlah tersebut 24,980 kes dikategorikan di bawah penyiasatan lanjut dan memerlukan pemeriksaan susulan. Sebanyak 471 kes telah disahkan positif kanser payudara dan telah menjalani pembedahan dan rawatan. Perkara ini dinyatakan oleh YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat di dalam teks perasmian yang dibacakan oleh YB Senator Datin Paduka Chew Mei Fun, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ketika merasmikan Program *Kiss Goodbye to Breast Cancer 2015* (KGBC 2015) anjuran Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) bersama Avon Cosmetic (M) Sdn. Bhd. di sini, hari ini.

Selain itu, penemuan awal kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia ke-5 (KPKM-5) tahun 2014 oleh LPPKN terhadap 7,644 wanita berusia 15 hingga 59 tahun mendapati sebanyak 75.4% (5,738 orang) wanita Malaysia pernah melakukan pemeriksaan sendiri payudara. Manakala 64.5% (4,908 orang) wanita pernah mendapatkan pemeriksaan klinikal payudara di klinik dan hospital. Namun, kesedaran serta bilangan wanita yang menjalani pemeriksaan perlu ditingkatkan lagi, tambah beliau.

Dalam masa sama, KPWK turut melaksanakan Program Bantuan Protesis Luaran Payudara dan Coli Khas kepada pesakit kanser payudara wanita yang telah melalui prosedur mastektomi, iaitu pembedahan pembuangan payudara. Sehingga hari ini, seramai **4,120** wanita telah mendapat manfaat melalui program tersebut.

Selain Arau, program KGBC 2015 turut diadakan di 14 lokasi lain seluruh negara sepanjang Oktober dan awal November bagi meraikan bulan kesedaran kanser payudara. Pelbagai aktiviti termasuk pendaftaran subsidi mamogram, pemeriksaan klinikal payudara, tunjuk ajar pemeriksaan sendiri payudara, saringan kesihatan, jualan amal dan kembara kauseling yang boleh disertai oleh seisi keluarga di setiap lokasi.

Turut hadir YB Hajah Rela Binti Ahmad, Exco Kerajaan Negeri Perlis, YBhg. Dato' Dr Siti Norlasiah Ismail, Ketua Pengarah LPPKN Malaysia dan YBrs. Cik Aspalin Hj. Sirat, Pengarah Pemasaran Komersial Avon Cosmetics (M) Sdn Bhd serta lebih 500 pengunjung pasaraya berkenaan.

Untuk maklumat lanjut sila hubungi:

**Unit Komunikasi Korporat**  
**Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN)**  
**12B, Jalan Raja Laut**  
**50350 Kuala Lumpur**  
No. telefon : 03-2693 7555 samb. 3308 / 3310/ 2132  
No. Faks : 03-2691 9431

## LOKASI PROGRAM KISS GOODBYE TO BREAST CANCER 2015

BIL	TARIKH	LOKASI
1.	3/10/2015	Mydin USJ Subang Jaya, <b>Selangor</b>
2.	(Sabtu)	Mydin Kota Seri Mas Nilai, <b>Negeri Sembilan</b>
3.	4/10/2015 (Ahad)	<b>Pasaraya CMart, Arau, Perlis (PERASMIAN KGBC)</b>
4.		Mydin Seremban 2, <b>Negeri Sembilan</b>
5.		Mydin Shah Alam, <b>Selangor</b>
6.	10/10/15	Mydin Bertam, <b>Pulau Pinang</b>
7.	(Sabtu)	Mydin MITC, <b>Melaka</b>
8.	11/10/15 (Ahad)	Mydin Jasin, <b>Melaka</b>
9.	23/10/2015	Mydin Kuala Terengganu, <b>Terengganu</b>
10.	(Jumaat)	Mydin Alor Setar, <b>Kedah</b>
11.	24/10/15	Mydin Gong Badak, <b>Terengganu</b>
12.	(Sabtu)	Mydin Ulu Tiram <b>Johor</b>
13.	24 & 25/10/2015 (Sabtu & Ahad)	Permy Mall, Miri, <b>Sarawak</b>
14.	25/10/2015 (Ahad)	Giant, Taman Permata, <b>Kuala Lumpur</b>
15.	7 /11/2015 (Sabtu)	City One Megamall Kuching, <b>Sarawak</b>